



## 66 anggota sertai Kursus Asas Perajurit Muda



Oleh: LT. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN

Dentuman bom, tembakan senjata yang bertubi-tubi yang datangnya dari Pasukan Keselamatan ke arah penempatan khemah musuh telah memecah keheningan pagi di Kampung Satelit, Beserah Kuantan pada awal pagi 19 Julai 2012 yang lalu.

Menurut maklumat perisikan oleh pasukan Tentera Udara di Raja Malaysia (TUDM), sekumpulan lanun mendarat di Beserah dan menjadikan Kampung Satelit sebagai kubu kuat mereka bagi tujuan menawan Negeri Pahang seterusnya mengambil-alih negara Malaysia.

Pasukan keselamatan di bawah Kompeni Bravo, Rejimen 505 Askar Wataniah dikerah untuk menentang saki-baki lanun yang terdapat di Bukit Kampung Satelit dan diarah menyelamatkan kawasan ini dari ditawan lanun.

Serangan ke atas khemah musuh di Bukit Kampung Satelit yang bermula pada jam 8.30 pagi itu menyebabkan peperangan sengit berlaku.

Akhirnya, kemenangan menyebelahi pihak Pasukan Keselamatan setelah berjaya menumpaskan lanun serta menawan semula Bukit Kampung Satelit, Beserah.

Demikianlah senario latihan serangan akhir bagi latihan medan peserta Kursus Asas Perajurit Muda 2012 Askar Wataniah yang disertai oleh seramai 34 orang pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Menurut penasihat Askar Wataniah UMP, Lt. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, Kursus Asas Perajurit Muda 2012 itu disertai seramai 66 orang anggota

daripada Batalion 1, Rejimen 505 Askar Wataniah, Taman Gelora.

Selain pelajar UMP, turut serta dalam kursus berkenaan adalah dari Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) dan Kolej Universiti Shahputra (UCSA).

“Peserta menjalani latihan kawad, latihan jasmani, latihan menembak, latihan hutan, peperangan konvensional (CW), peperangan hutan (CIW), ilmu medan perang (IMP) dan ikhtiar hidup.”

“Kursus ini bertujuan membentuk tahap disiplin yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar UMP, melatih pelajar dari segi kekuatan mental dan jasmani serta menjadikan pelajar lebih yakin dan berkepimpinan,” katanya.

Latihan medan selama empat hari ini ditutup secara rasminya oleh pendukung askar wataniah UMP, iaitu Yang Berbahagia Mejar Dato’ Profesor Dr. Mortaza Mohammed.

Dalam ucapannya, beliau berbangga dengan tahap disiplin dan kepimpinan yang ditunjukkan peserta kursus terutamanya semasa menjalani latihan serangan akhir di khemah musuh.

Beliau kemudiannya menyampaikan hadiah kepada para pemenang iaitu kepada peserta keseluruhan terbaik, akademik terbaik, menembak dan platun terbaik.

Sehingga kini, UMP mempunyai seramai 115 orang anggota wataniah termasuk pelajar dan staf. Pelajar perlu menghadiri beberapa siri kursus yang lain bagi peningkatan kerjaya sebelum mereka ditauliahkan sebagai pegawai di dalam Angkatan Tentera Malaysia.